



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KENYATAAN MEDIA
PENJELASAN MEKANISME PEROLEHAN PAKEJ PERTAMA LRT LALUAN
MUTIARA PULAU PINANG

PUTRAJAYA— Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin menjelaskan dakwaan yang tular di media sosial berhubung kaedah perolehan kontrak Pakej Pertama projek LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang.

Untuk memahami kenapa kaedah Single-Sourcing Request for Proposal (RFP) digunakan, perlu difahami terlebih dahulu sejarah penuh projek ini.

Projek ini pada asalnya adalah projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP). Model pembiayaannya adalah melalui hasil jualan tanah daripada tiga pulau yang akan ditambah di selatan Pulau Pinang, dikenali sebagai Projek Penang South Islands (PSI).

Untuk melaksanakan PTMP ini, Kerajaan Negeri melantik SRS Consortium Sdn Bhd sebagai Project Delivery Partner (PDP) melalui tender terbuka pada Ogos 2015.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Pada Mac 2024, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk membiayai dan mengambil alih sepenuhnya LRT Laluan Mutiara daripada Kerajaan Negeri atas syarat projek tambak dihadkan kepada satu pulau sahaja, berikutan kelulusan Kabinet, dengan MRT Corp dilantik sebagai pemaju dan pemilik asset projek.

Apabila Kerajaan Persekutuan mengambil alih, ia tidak mempunyai obligasi kontrak terus dengan SRS Consortium, kerana obligasi asal itu adalah antara Kerajaan Negeri dan SRS Consortium.

Selain itu, SRS Consortium telah terlibat dalam projek ini sejak peringkat awal dan memiliki pengetahuan institusi serta teknikal yang mendalam berkaitan penjajaran landasan, kajian kejuruteraan, kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA), *Social Impact Assessment* (SIA) dan Skim Kereta Api — kesemuanya dibiayai oleh SRS Consortium sendiri.

Kesinambungan ini merupakan pertimbangan penting bagi mempercepatkan pelaksanaan projek infrastruktur awam yang kritikal ini.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Akibat peralihan projek dari negeri ke persekutuan, keputusan untuk menggunakan mekanisme single-source ini dibuat berikutan permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bagi mengelakkan pertikaian kontrak dari segi perundangan, memandangkan SRS Consortium telah dilantik sebagai PDP untuk PTMP melalui tender terbuka oleh Kerajaan Negeri pada 2015.

Mekanisme Single-Sourcing RFP ini berbeza dengan rundingan terus yang tidak melibatkan sebarang proses kompetitif terdahulu.

Walaupun kaedah Single-Sourcing RFP digunakan, ini tidak bermakna kontrak diberikan tanpa semakan teliti. Selepas dilantik sebagai Pemaju dan Pemilik Aset projek, MRT Corp menjalankan penilaian kejuruteraan terperinci dan kajian infrastruktur bagi memperhalusi penjajaran landasan kereta api, skop kerja, dan menilai semula anggaran kos projek terkini.

Sebagai sebahagian daripada proses ini, MRT Corp turut mendapatkan penilaian kos bebas daripada dua firma juruukur bahan yang berasingan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Selepas Keputusan Kabinet pada Mac 2024, proses rundingan perolehan kontrak bermula pada April 2024 dan berlangsung selama lebih kurang lapan bulan. Sepanjang tempoh ini, MRT Corp telahpun menjalankan penilaian komersial, teknikal, dan kos yang menyeluruh bagi memastikan projek ini mencapai nilai yang optimum.

Seterusnya, kontrak ini turut tertakluk kepada *Value Management Exercise* pada April 2025 sebagai sebahagian daripada langkah pengoptimuman kos berterusan. Langkah ini menghasilkan jumlah kontrak muktamad sebanyak RM7.93 bilion.

Bagi pakej kedua dan ketiga projek ini, proses tender terbuka diwajibkan, mencerminkan komitmen kerajaan terhadap ketelusan dan persaingan sihat dalam perolehan awam.

MOT menegaskan bahawa setiap keputusan berkaitan projek LRT Laluan Mutiara dibuat berasaskan pertimbangan teknikal, perundangan, dan fiskal yang teliti, demi memastikan rakyat Pulau Pinang mendapat sistem pengangkutan awam yang telah lama dinantikan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

21 MEI 2026

-TAMAT-

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

E-mel : sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

